



PEJABAT MENTERI
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

PELANTIKAN PENERUSI PERBADANAN LABUAN YANG BAHARU

PUTRAJAYA, 7 Julai 2022 — Sukacita saya ingin memaklumkan pelantikan YB Senator Datuk Haji Bashir Haji Alias sebagai Pengerusi Perbadanan Labuan yang baharu untuk tempoh dua tahun berkuat kuasa mulai 1 Julai 2022.

Beliau menggantikan YBhg. Dato' Sri Amir Hussien yang telah berkhidmat sehingga 30 Jun 2022 sebagai Pengerusi Perbadanan Labuan.

Pelantikan YB Senator Datuk Haji Bashir Haji Alias sebagai Pengerusi yang baharu adalah selaras dengan perenggan 5(1)(a) Akta Perbadanan Labuan 2001 [*Akta 609*].

YB Senator Datuk Haji Bashir Haji Alias mempunyai pengalaman yang luas di Wilayah Persekutuan Labuan berdasarkan perkhidmatan beliau dalam Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Pertubuhan Peladang dan Majlis Penasihat Perbadanan Labuan.

Saya percaya dengan pengalaman luas serta daya kepimpinan YB Senator Datuk Haji Bashir Haji Alias, beliau akan terus menerajui Perbadanan Labuan dalam menambahbaik ekosistem ekonomi Wilayah Persekutuan Labuan agar industri sedia ada terus berkembang dan kekal berdaya saing.

Saya bagi pihak kerajaan dan seluruh Keluarga Malaysia merakamkan ucapan tahniah di atas pelantikan ini dan selamat menjalankan tugas kepada YB Senator Datuk Haji Bashir Haji Alias.

Dalam pada itu, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas sumbangan, jasa serta khidmat bakti YBhg. Dato' Sri Amir Hussien untuk sepanjang tempoh beliau berkhidmat sebagai Pengerusi Perbadanan Labuan.

-Tamat-

DATO' SERI DR SHAHIDAN KASSIM
Menteri Wilayah Persekutuan
7 Julai 2022